

02 APR 2002

Khalil-RTM (Bergambar)

RTM PERLU TINGKATKAN MUTU PENERBITAN UNTUK TARIK LEBIH RAMAI PENONTON

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Jabatan Penyiaran khususnya Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) digesa meningkatkan lagi mutu penerbitan program-program yang dihasilkan bagi menarik lebih ramai penonton.

"Akhir-akhir ini program-program yang dihasilkan oleh RTM banyak menarik perhatian penonton termasuk rancangan berita," kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob mengulas mengenai laporan bahawa enam rancangan terbitan RTM dipilih antara 10 rancangan yang mempunyai penarafan paling tinggi di Malaysia.

Penilaian penarafan yang dibuat oleh AC Nielsen mendapati dua daripada enam rancangan yang terpilih itu ialah Berita Perdana dan Berita Dunia yang mencapai purata antara 441,000 penonton setiap hari dan pada hari minggu purata penontonnya mencapai jumlah 517,000.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Hari RTM ke-56 di Auditorium Perdana, Angkasapuri di sini hari ini. Pada majlis itu, beliau turut melancarkan album Tan Sri S.M Salim bersama Orkestra RTM.

Khalil berkata dalam usaha untuk mengekalkan jumlah penonton berkenaan, RTM perlu melipatgandakan usaha dengan serius agar tidak terus alpa dan ketinggalan dalam industri penyiaran.

"Semua pihak termasuk di kalangan parti pembangkang kini juga berminat untuk mengikuti rancangan-rancangan terbitan RTM. Kita (RTM) ada dua jenis program yang berbentuk intelektual dan juga hiburan," katanya.

Bagaimanapun, katanya tarikan parti pembangkang untuk menonton rancangan terbitan RTM bukan disebabkan oleh klip video peristiwa Memali tetapi rancangan terbitan RTM lebih berbentuk mengupas isu-isu semasa.

Ketika ditanya hasrat kementerian untuk menjadikan Bukit Putra (kawasan Angkasapuri) sebagai sebahagian daripada tarikan pelancong, beliau berkata hasrat itu adalah selaras dengan permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membuat lawatan ke sana tidak lama dulu.

"RTM akan menaik taraf kawasan sekitar supaya dapat dimanfaatkan oleh pelawat dan para artis. Ia boleh dijadikan tempat pelawat untuk bertemu dengan artis atau karyawan tempatan semasa sesi latihan sesebuah rancangan yang akan diterbitkan," katanya.

Menurut beliau, lawatan secara rombongan ke RTM telah menjadi satu daripada agenda dalam sesi lawatan oleh pelancong domestik ketika membuat lawatan ke ibu negara.

-- BERNAMA

FA AHH RHM